

09 JUN 2003

PM-RANGSANGAN/I

PM: EKONOMI TERIMA BAIK PAKEJ RANGSANGAN

PUTRAJAYA, 9 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ekonomi Malaysia menerima baik pakej rangsangan kerajaan jika dilihat dari pergerakan Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Sambutannya sangat baik. Jika anda melihat indeks pasaran saham sebagai petunjuk, nampaknya rakyat telah menerimanya dengan baik," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan sesi ketiga sesi dialog bajet 2004 di sini hari ini.

"Bagi pertama kalinya, ia (KLCI) telah memisahkan kaitannya dengan Pasaran Saham New York. Biasanya pasaran kita turun naik mengikut Dow Jones (indeks) tetapi kini apabila Dow Jones menurun, kita masih menaik. Jadi ini satu perkara yang baik," katanya.

Apabila Dr Mahathir, yang juga menteri kewangan, mengumumkan pakej rangsangan pada 21 Mei, KLCI naik 3.41 mata kepada 640.37 mata.

KLCI melonjak kepada 682.43 mata Khamis lepas dan bergerak mencapai tahap tertinggi tahunan hari ini apabila berhenti pada 685.25 mata pada penutup tengah hari ini. -- BERNAMA

MAM SHY AHM